

# S'pura juara, semua pesilat menang pingat

▶ANWAR YAHYA  
anwar@sph.com.sg

KEJOHANAN ini dianggap penuh bersejarah – kali pertama sukan seni mempertahankan diri Melayu silat menembusi Korea Selatan.

Terbukti pasukan 'gagah' Singapura yang terdiri daripada enam pesilat tidak mengecewakan apabila muncul sebagai juara keseluruhan pertandingan Pencak Silat Terbuka Antarabangsa Korea Selatan yang berakhir di bandar Pyeongtaek hujung minggu lalu.

Buat julung-julung kalinya juga setiap seorang pesilat negara pulang dengan sebutir pingat – diketuai dengan empat pingat emas yang dimenangi juara dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin; bekas juara dunia Muhammad Shakir Juanda; pemenang pingat emas Sukan SEA Muhammad Nur Alfian Juma'en; Atlit Terbaik dan pemenang pingat emas Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Terbuka Belanda Nurul Suhaila Mohd Saiful.

Dua pesilat lain – Abdul Raaziq Abdul Rashid dan Muhammad Haziq Zainal Abidin – turut mempamerkan peningkatan memberangsangkan dengan masing-masing memenangi pingat perak dan gangsa.

Mengulas prestasi anak didiknya, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Pencak Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, berkata: "Sudah tentunya saya gembira dengan pencapaian keseluruhan pasukan kami.

"Keempat-empat pingat emas yang dijangkakan daripada pesilat kami yang mendapat sokongan Biasiswa Spex membuktikan bahawa persiapan kami berada di landasan yang betul menjelang Kejohanan Dunia (hujung tahun ini) dan Sukan SEA Kuala Lumpur (tahun depan).

"Persembahan Raaziq dan Haziq turut wajar diberi pujian. Raaziq membayangkan azamnya menyertai skuad elit nasional manakala Haziq juga menunjukkan teknik-teknik yang baik

semasa bertanding di gelanggang sekalipun berhadapan pencabar yang jauh lebih besar dan tinggi daripadanya.

Menurutnya, beliau gembira semua pesilat Singapura pulang dengan pingat dan bangga kerana pasukannya muncul juara keseluruhan kejohanan itu.

Kejohanan bersejarah ini dianjurkan selang dua tahun tertubuhnya Persekutuan Pencak Silat Korea Selatan (SKPSF) pada 2014. Antara penggerak utama inisiatif itu tentunya usaha Persekutuan Pencak Silat Asia (Apsif) – dengan Sheik Alau'ddin sebagai presidennya – bagi meningkatkan profil silat di negara itu yang lebih popular dengan seni mempertahankan diri seperti Taekwondo.

Kejohanan itu disertai sembilan pasukan, termasuk Thailand, Indonesia, Filipina, Uzbekistan dan Amerika Syarikat. Ia dianjurkan bersama oleh SKPSF dan Institut Seni Mempertahan Diri Korea, sempena Kejohanan Seni Mempertahan Diri Antarabangsa 2016 Ke-11.



**KIBAR BENDERA NEGARA:** Pesilat dan pegawai Singapura di kejohanan Pencak Silat Terbuka Antarabangsa Korea Selatan pada hujung minggu lalu. Mereka terdiri daripada (barisan depan, dari kiri), Sheik Farhan, Nur Alfian, Sheik Alau'ddin (CEO Persisi), Muhammad Shakir, Nurul Suhaila Mohd Saiful; (barisan belakang dari kiri), Muhammad Shaki, Muhammad Fiqri (jurulatih), Nur Fazlin Juma'en (pengurus pasukan), Muhammad Haziq dan Abdul Raaziq. – Foto PERSISI

Berita Harian | Selasa, 18 Oktober 2016  
**Sukan**